

17 DEC 1999

Waad

DATUK WAAD MANSOR LEBIH BAIK LETAK JAWATAN EXCO

KUALA PILAH, 17 Dis (Bernama) -- Isu pelantikan Datuk Waad Mansor sebagai anggota exco terus berlanjutan dengan kali ini, ketua Umno bahagian Kuala Pilah Datuk Abu Zahar Ujang meminta Waad melepaskan jawatan exco demi menjaga imej serta maruah Umno dan Kerajaan Negeri.

Abu Zahar dalam satu kenyataan yang diedarkan kepada pemberita semasa persidangan berita di sini, berkata, ini kerana daripada segi prinsip proses perundangan dan moral, kes Waad masih dianggap belum selesai.

Turut hadir di persidangan berita itu ialah Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Kuala Pilah Datuk Napsiah Omar yang juga anggota Parlimen kawasan itu, Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Kuala Pilah Mazibah Mohd Zin dan beberapa lagi anggota Dewan Undangan Negeri (DUN).

Menurut beliau lagi, adalah diketahui umum bahawa Waad yang juga anggota DUN kawasan Gemencheh menghadapi lima tuduhan rasuah dan telah dibebaskan daripada tiga tuduhan sementara dua lagi tuduhan menunggu perbicaraan.

"Walaupun Mahkamah Tinggi Seremban yang mendengar tiga tuduhan telah membebaskan Waad pada 8 Okt lepas tetapi apabila pihak Pejabat Peguam Negara mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan Kuala Lumpur dalam tempoh yang sepatutnya maka ini bermakna kes berkenaan masih belum selesai.

"Di samping itu Waad masih menghadapi dua tuduhan rasuah yang masih belum didengar oleh Mahkamah Tinggi Seremban," katanya.

Abu Zahar yang juga anggota Jawatankuasa Badan Perhubungan Umno negeri berkata, oleh itu apabila mengambil kira keadaan keseluruhan kes Waad ini, bermakna Waad masih menghadapi tuduhan rasuah.

"Kalau dahulu beliau sanggup secara sukarela meletakkan jawatan maka sekarang pun moleklah dia mengambil tindakan serupa kerana jika tidak pihak kerajaan mengikut Peraturan dan Perintah-Perintah Am dan Undang-Undang yang digunapakai sekarang boleh mengambil tindakan supaya dia digantung kerja sehingga kes selesai."

"Jawatan exco yang dianggap atau termasuk dalam definisi pegawai kerajaan dan keadaan yang berlaku dalam kes Waad tidak sepatutnya dikecualikan kerana jika tidak ia boleh menimbulkan bermacam spekulasi yang boleh mencemarkan imej kerajaan dan parti Umno," katanya.

Mengenai bantahan pelantikan Waad oleh anggota DUN kawasan Lenggeng Datuk Ishak Ismail dan kenyataan Napsiah dalam laporan akhbar hari ini yang menyarankan Waad wajar meletakkan jawatan exco, beliau berkata apa yang dipersoalkan oleh mereka itu adalah keadaan sebenarnya.

"Saya dan ramai rakan yang terdiri daripada pemimpin parti di peringkat anggota jawatankuasa Bahagian dan cawangan di Kuala Pilah yang hadir pada hari ini ingin menyatakan sokongan padu kami atas pandangan dan tindak-tanduk mereka (Ishak dan Napsiah) demi menegakkan kebenaran apa yang sebenarnya berlaku di negeri ini sekarang," katanya.

Sementara itu, Abu Zahar juga menyatakan kekecewaannya dengan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad selaku pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri yang dikatakan bertindak seolah-olah peranan dan kedudukan Ketua-Ketua Umno Bahagian tidak relevan lagi baginya.

Menurut beliau, dalam kes Waad jelas sekali menampakkan bahawa Mohamed Isa tidak boleh lari daripada dipertanggungjawabkan kerana beliau adalah yang mengemukakan nama-nama calon dan barisan anggota exco kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tentu sekali Perdana Menteri dalam masa yang begitu singkat tidak ada

masa dan dibebankan untuk membuat kajian latarbelakang setiap calon yang dikemukakan.

Beliau berkata Menteri Besar sudah sepatutnya mengetahui latarbelakang setiap calon dan jika ada permasalahan hal undang-undang, beliau boleh dapatkan nasihat Penasihat Undang-Undang negeri.

-- BERNAMA

RP PR